

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WCA06-QR

9H6M

SCANDINAVIA 3 NEGARA

Sweden - Norway - Denmark



MENAIKI KERETAPI FLAMSBANA MENUJU KE MYRDAL DAN MENIKMATI PEMANDANGAN INDAH SEPANJANG PERJALANAN.

TOUR HIGHLIGHTS



1

NYHAVN

KAWASAN YANG PALING IKONIK UNTUK BERFOTO DI COPENHAGEN DENGAN SEDERETAN BANGUNAN BERWARNA-WARNI YANG TERLETAK DI HADAPAN PELABUHAN CANAL.



2

KERETAPI FLAMSBANA

PERJALANAN INI AKAN MEMBAWA TETAMU MERENTASI KAWASAN PERGUNUNGAN DAN LEMBAH FJORD YANG INDAH DI NORWAY. DIANGGAP SEBAGAI SALAH SATU PERJALANAN KERETAPI DENGAN PEMANDANGAN PALING CANTIK DI DUNIA.



3

DROTTINGHAM PALACE

ISTANA KEDIAMAN PERIBADI KELUARGA DIRAJA SWEDEN YANG DIBINA KURUN KE-16 DENGAN TAMAN BUNGA YANG CUKUP LUAS DIPANGGIL BAROQUE DAN ENGLISH GARDEN.



4

KJOSFOSEN FALLS

BERFOTO DI KJOSFOSEN FALLS, AIR TERJUN SETINGGI 22R METER.



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Sejuk:
Disember - Mac



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Bunga:
April - Mei

Swedish Krona SEK1

Norwegian Krone NOK1

Danish Krone DKK1

Malaysia Ringgit MYR 0.40

Malaysia Ringgit MYR 0.40

Malaysia Ringgit MYR 0.60



PERBEZAAN WAKTU Sweden: GMT+1
Malaysia: GMT +8 Norway: GMT+1 Norway: GMT+1

Map



Hotel Penginapan

3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Copenhagen	Zlepp Hotel CPH Arena	1 mlm
NA	DSFS Ferry	1 Mlm
Geilo	Vestlia Resort	2 Mlm
Stockholm	Ten Hotel	2 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	QR 4990	KUL - DOH	2100	2330
2	QR 161	DOH - CPH	0200	0725
8	QR 168	ARN - DOH	1510	2325
9	QR 4991	DOH - KUL	0150	1440

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket keretapi SJ Train dari Oslo - Stockholm dan Flamsbana dari Flam - Myrdal - Flam.
- Tiket Fjord Cruise dari Flam - Gudvangen.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour guide dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel & Covid-19 Insurans - Rujuk Agen berdekatan untuk pembelian premium insurans yang sesuai
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

9H6M

SCANDINAVIA 3 NEGARA

TOUR CODE:
WCA06-QR

HARI 01 KUALA LUMPUR - DOHA - COPENHAGEN

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Copenhagen (transit di Doha).

HARI 02 COPENHAGEN

SP/MM

Lawatan di **Copenhagen**:

- **Frederiksborg Castle**: Istana yang dibina pada abad ke-17 ini terletak di tepian tasik yang cukup luas dengan laman bunga yang juga luas, amat menarik sebagai tempat berfoto. Pernah mengalami kebakaran besar pada tahun 1859.
- **The Little Mermaid**: Tugu yang dibina di tepi laut sebagai memperingati legenda ikan duyung separuh badan manusia yang berasal dari negara Denmark.
- **Gefion Fountain**: Air pancut ini diukir pada tahun 1908 dengan menggambarkan sejarah kewujudan kota Copenhagen pada abad ke-10.
- **Nyhavn**: Kawasan yang paling ikonik untuk berfoto di Copenhagen dengan sederetan bangunan berwarna-warni yang terletak di hadapan pelabuhan canal.
- **Amalienborg Palace**: Istana kediaman rasmi keluarga diraja Denmark yang dibina pada 1760.
- **Christianborg Palace**: Dibina pada 1928, istana ini merupakan parlimen bagi kerajaan Denmark bersidang dan juga dewan rasmi kegunaan Raja Denmark menyambut tetamu rasmi negara.
- **Rosenborg Castle**: Istana kediaman rasmi keluarga diraja Denmark sejak dibina pada 1606 sehingga tahun 1760.
- Masa bebas untuk membeli-belah dan bersiar-siar di Stroget.

Bermalam di **Copenhagen**.

HARI 03 COPENHAGEN - DFDS CRUISE

SP/MM

Lawatan di **Copenhagen**:

- Membeli-belah di **Ringsted Outlet** yang menampilkan butik-butik jenama terkenal seperti Calvin Klein, Levi's, Lacoste dan Guess dengan diskaun istimewa.
- Menaiki **kapal persiaran DFDS** menuju ke Copenhagen melalui kawasan lembah Oslofjord dan bermalam di dalam kapal persiaran ini.

Bermalam di dalam kapal persiaran.

HARI 04 OSLO - BYGDOY - GEILO/GOL

SP/MM

Lawatan di **Oslo**:

- Masa bebas untuk membeli-belah di kawasan majoriti Muslim di Oslo iaitu di **Gronland** dan bersolat di **Islamic Cultural Centre Norway**.

Bermalam di **Geilo**.

HARI 05 GEILO/GOL - FLAM - MYRDAL - GUDVANGEN - GEILO/GOL

SP/MM

Lawatan di **Flam**:

- Menaiki **keretapi Flamsbana** menuju ke Myrdal, di mana perjalanan ini akan membawa tetamu merentasi kawasan pergunungan dan lembah fjord yang indah di Norway. Dianggap sebagai salah satu perjalanan keretapi dengan pemandangan paling cantik di dunia.
- Keretapi ini akan berhenti sebentar di air terjun **Kjosfossen Falls** setinggi 225m bagi memberi peluang kepada tetamu mengambil foto di sini.
- Pulang semula ke Flam menaiki keretapi Flamsbana dan menaiki pula kapal persiaran **Fjord Cruise** menyelusuri sepanjang lembah pergunungan Naeroyfjord yang tersangatlah cantik dan indah sehinggakan tersenarai di dalam UNESCO World Heritage List, menuju ke Gudvangen.

Bermalam di **Geilo**.

HARI 06 GEILO/GOL - OSLO - STOCKHOLM

SP/MM

- Bertolak menuju ke Stockholm dengan menaiki keretapi laju dari Oslo Central station yang dibina pada 1987.

Bermalam di **Stockholm**.

HARI 07 STOCKHOLM

SP/MM

Lawatan di Stockholm:

- **Drottningholm Palace**: Istana kediaman peribadi keluarga diraja Sweden yang dibina kurun ke-16 dengan taman bunga yang cukup luas dipanggil Baroque dan English Garden. Terdapat juga di sini bangunan istimewa Chinese Pavilion yang berseni binakan kaum Cina.
- **Stockholm Palace**: Dibina pada 1760, istana rasmi diraja Sweden ini menempatkan pejabat raja dan istana di mana raja Sweden menerima kunjungan hormat diplomat dan pemimpin asing.
- **Parliament House**: Bangunan parlimen ini dibina pada 1905 berdekatan dengan Stockholm Palace dan menjadi salah satu bangunan ikonik di kota ini.
- **Nobel Prize Museum**: Bangunan kurun ke-17 ini menempatkan segala maklumat mengenai pengasas, pemenang-pemenang dan sejarah Nobel Prize.
- Membeli-belah di kedai-kedai cenderamata abad ke-17 sepanjang jalan kota lama **Gamla Stan** yang sebenarnya merupakan sebuah pulau kecil.
- Bersolat di **Stockholm Grand Mosque** yang pada asalnya dibina pada 1903 sebagai sebuah stesen janakuasa elektrik sebelum ditukar menjadi masjid pada 1999.
- **Fjallgatan View Point**: Dipanggil sebagai Stockholm's Balcony kerana kawasan ini menawarkan pemandangan panorama pusat bandar Stockholm dan juga Djurgarden Island. Di sekitar sini juga, terdapat bangunan dan rumah lama orang Stockholm tahun 1700an, dan kafe-kafe untuk berehat minum kopi sambil menikmati pemandangan.

Bermalam di **Stockholm**.

HARI 08 STOCKHOLM - SIGTUNA - DOHA

SP

Lawatan di bandar tertua di Sweden yang wujud sejak tahun 980, Sigtuna:

- **Sigtuna Museum**: Bangunan merah paling ikonik di bandar ini yang dibina di atas bekas tapak istana raja pertama Sweden, King Eric The Victorious. Muzium ini menceritakan tentang kepentingan bandar Sigtuna ini yang menjadi bandar terpenting di Sweden sejak dari zaman Viking hingga kurun ke-13.
- **Sigtuna Radhus**: Dewan bandar yang dibina pada tahun 1744 dengan menara jam ini dikatakan sebagai city hall yang terkecil di Eropah.
- Membeli-belah cenderamata di kedai-kedai kecil sepanjang jalan **Stora Gatan** yang wujud sejak beratus tahun lamanya.
- Bersiar-siar di tebing **Lake Malaren** yang mendamaikan dan berfoto dengan batu-batu berukir di sini tinggalan zaman Viking yang dipanggil **Rune Stones**.

Bertolak pulang ke Kuala Lumpur (transit di Doha).

HARI 09 DOHA - KUALA LUMPUR

Tiba di KLIA.